

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BT. WANG (KOTA
SAMARAHAN)

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan trend kes-kes penipuan menerusi panggilan atau scammer serta usaha serta kejayaan Kerajaan membendung kegiatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan 6 soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan **Penipuan** atau **Telecommunication Fraud** oleh:-

1. YB Datuk Sri Dr. Wan Azizah [Pandan] bertarikh 12 November 2020;
2. YB Tuan Yamani Hafez bin Musa (Sipitang) bertarikh 9 Disember 2020;
3. YB Datuk Hj. Jalaluddin bin Hj. Alias (Jelebu) bertarikh 9 Disember 2020;
4. YB Prof Madya Dr. Rusnah bt Aluai (Tangga Batu) bertarikh 9 Disember 2020;
5. YB Puan Natrah bt Ismail (Sekijang) bertarikh 9 Disember 2020; dan
6. YB Tuan Mohd Nizar b. Hj. Zakaria (Parit) bertarikh 15 Disember 2020.

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berhubung kes-kes yang melibatkan jenayah penipuan atas talian yang meliputi pelbagai kategori seperti penipuan melalui telefon & internet, *Love Scam*, pinjaman tidak wujud dan *Macau Scam*.

Kemajuan teknologi masa kini sedikit sebanyak membuka ruang kepada penipuan menerusi panggilan atau *scammer* ini. Namun, perlu diingat, *scammer* bukan sahaja melakukan penipuan secara panggilan, tetapi turut menggunakan kaedah lain menerusi kemudahan atas talian seperti menerusi e-mel palsu atau akaun media sosial. Namun begitu, ada juga penipuan yang menggunakan kedua-dua cara tersebut dimana lazimnya bermula melalui usaha memerangkap mangsa secara atas talian dan kemudiannya dihubungi melalui panggilan telefon. PDRM melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), PDRM sentiasa memantau trend terkini penipuan menerusi panggilan atau atas talian.

Contoh modus operandi penipuan secara panggilan atau *telecommunication fraud* adalah seperti tawaran memenangi cabutan bertuah atau *spoofing*. *Spoofing* merupakan perbuatan menjadikan panggilan dari sumber yang tidak dikenali seolah-olah dibuat dari sumber yang dipercayai seperti anggota penguatkuasa, pegawai perundangan atau pegawai perbankan. Manakala, trend penipuan atas talian meliputi *phishing*, lottery scam, romance scam, penyamaran profil akaun media sosial, tawaran perniagaan atau barangan yang tidak wujud dan sebagainya.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain daripada tindakan penguatkuasaan undang-undang, pihak PDRM mengambil inisiatif dengan memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan penipuan jenayah atas talian melalui kempen-kempen kesedaran. PDRM juga sering menjalinkan kerjasama dengan lain-lain agensi dan NGO agar trend jenayah ini dapat dihebahkan dan masyarakat sentiasa dapat maklumat dan '*alert*' terhadap modus operandi penjenayah yang terkini.

SOALAN NO : 5

PDRM juga telah membangunkan satu aplikasi dan portal laman web. Ia boleh dicapai di pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>. Portal dan aplikasi ini memberikan kemudahan kepada orang awam membuat semakan ke atas akaun bank dan nombor telefon yang pernah terlibat dengan siasatan pihak polis. Mana-mana akaun bank yang digunakan sebagai akaun ketiga (*mule account*) yang digunakan oleh suspek bagi tujuan penipuan akan disekat penggunaannya oleh pihak bank.

PDRM sememangnya sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membanteras jenayah penipuan atas talian termasuklah Macau Scam. Selain SKMM, agensi lain yang turut memberikan kerjasama adalah pihak Bank Negara Malaysia, syarikat-syarikat telekomunikasi (telco) dan institusi bank-bank. Selain itu, pada Mac 2019 pula, sebuah Jawatankuasa Teknikal Jenayah Siber yang terdiri daripada PDRM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah ditubuhkan bagi membanteras jenayah penipuan ini.

Tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) bagi tujuan pembekuan dan pelucuthakan wang dari akaun keldai juga diambil oleh pihak PDRM. Bagi mana-mana suspek yang tidak cukup keterangan untuk di tuduh di mahkamah, mereka akan dikenakan tindakan di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).